

Unisza cadang sewakan kemudahan kepada pihak luar

KUALA TERENGGANU 18 Feb. - Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) bercadang menawarkan sebahagian daripada kemudahan yang terdapat di kampusnya untuk disewakan kepada pihak luar bagi penganjuran pelbagai kegiatan.

Pengerusi Lembaga Pengarah Unisza, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom berkata, dengan inemanfaatkan kemudahan tersebut, langkah itu memberikan sumber pendapatan tambahan di sam-

ping mendekatkan lagi hubungan pihaknya dengan masyarakat.

"Kita benarkan orang luar menggunakan kemudahan yang ada seperti dewan, padang dan gelanggang untuk mengadakan kursus-kursus profesional, kegiatan sukan dengan dikenakan bayaran-bayaran tertentu.

"Unisza juga seperti beberapa universiti terkemuka di negara ini yang dikenakan potongan (bantuan) berikutkan langkah berjimat-cermat kerajaan, namun kita hanya

dikenakan potongan 20 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri majlis serah dan terima tugas Naib Canselor antara Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dengan penggantinya Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A Latif di Kampus Gong Badak di sini semalam.

Menurut Alimuddin, pada tahun ini, Unisza menerima peruntukan pengurusan sebanyak RM162 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu

sebanyak RM190 juta.

Sementara itu, Ahmad Zubaidi ketika ditemui dalam majlis itu berkata, beliau akan meneruskan transformasi yang dimulakan oleh Yahaya di Unisza bagi memacu masa depan yang lebih cemerlang.

Menurut beliau, selain peningkatan aspek pengajaran dan pembelajaran, aspek prasarana diberi penekanan di Kampus Gong Badak, Kampus Tembila (Besut) dan Kampus Perubatan (Kuala Terengganu).